

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Pendidikan Bersama Maybank. Sila pastikan anda juga membaca terma yang tertera di surat tawaran. Sila dapatkan penerangan sekiranya anda inginkan penjelasan tentang maklumat yang terdapat di dokumen ini atau mengenai sebarang terma.

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Date : _____

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan pendidikan adalah kemudahan pembiayaan yang menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang berkecukupan untuk membiayai (sepenuhnya atau sebahagian) yuran pengajian kursus mereka di universiti berdasarkan program dan universiti yang diluluskan oleh pihak Bank. Kemudahan ini terbuka untuk Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang perlu disandarkan dengan harta atau apa-apa cagaran lain yang boleh diterima iaitu Simpanan Tetap dan Unit Amanah Saham Bumiputra (ASB).

2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

No.	Perkara	Butiran			
i.	Jumlah Pembiayaan	Minimum: RM10,000 Maksimum: Yuran pengajian ATAU Margin Pembiayaan daripada cagaran; yang mana lebih rendah.			
ii.	Margin Pembiayaan	Cagaran	Margin Pembiayaan	Catatan	
		Harta	120%	Tambahan 30% daripada kebiasaan pinjaman harta atau 120% pinjaman daripada nilai pasaran. Tambahan 30% tersebut tidak melebihi RM400,000.	
		Simpanan Tetap	150%	Tambahan 50% daripada cagaran dan tambahan tersebut tidak melebihi RM200,000.	
		ASB	67%	Sehingga 67% daripada nilai unit ASB	
iii.	Tempoh Pembiayaan	Cagaran	Tempoh Pinjaman		
		Harta	Sehingga 35 tahun/umur 70 tahun (Pinjaman Bercagar) Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (Bahagian tambahan tidak bercagar)		
		Simpanan Tetap	Sehingga 20 tahun/umur 70 tahun (FD & Bahagian tambahan tidak bercagar)		
		ASB	Sehingga 30 tahun/umur 70 tahun		
iv.	Kadar Faedah	Harta	Simpanan Tetap	ASB	
		Bercagar: Kadar Asas (KA)+1.60% (Kadar Efektif: 4.10%) Bahagian tambahan tidak bercagar: Kadar Asas (KA)+3.75% (Kadar Efektif: 6.25%)		Kadar Asas (KA)+3.00% (Kadar Efektif: 5.50%)	KA/KAI+1.85% (Kadar Efektif: 4.35%)
		• Kadar Asas (KA) adalah 2.50% berkuatkuasa dari 5 Mac 2020			
v.	Cagaran	Jenis cagaran yang diterima: i. Harta ii. Simpanan Tetap iii. Unit Amanah Saham Bumiputera (ASB)			
vi.	Syarat pemohon bersama	i. Maksimum 4 pemohon bersama yang terhad kepada ahli keluarga terdekat. ii. Berumur 21 tahun dan tidak melebihi 70 tahun pada akhir tempoh pembiayaan.			


3. Apakah Kadar Asas (KA)?

Kadar Asas (KA) adalah selaras dengan rangka kerja kadar rujukan baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menggantikan Kadar Pinjaman Asas (KPA) berkuatkuasa 2 Januari 2015 dan akan digunakan sebagai kadar rujukan utama bagi pinjaman kadar terapung runcit yang baru. Di bawah rangka kerja baru ini, bank-bank hanya akan menggunakan kos pembiayaan sebagai penanda aras untuk menentukan kadar asas mereka. KA Maybank dikira berdasarkan kos purata dana Maybank.

4. Apakah senario yang mungkin mengakibatkan perubahan dalam KA?

KA akan berubah apabila terdapat perubahan pada dasar monetari contohnya perubahahan Kadar Dasar Semalaman (KDS) serta sebarang perubahan dalam keadaan pendanaan contohnya perubahan pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR).

5. Sejarah penanda aras Kos Dana (COF) untuk 2 tahun yang lalu.



6. Apakah tanggungjawab saya?

- i. Anda hendaklah memastikan bayaran ansuran bulanan dibayar pada hari pertama setiap bulan
- ii. Contoh 1: Pengiraan dibawah adalah berdasarkan andaian seperti berikut
 - Jumlah pinjaman : RM100,000
 - Tempoh pinjaman : 20 tahun

Komponen	Cagaran menggunakan Harta/Simpanan Tetap			Cagaran menggunakan ASB unit		
	KA= 2.50% Kadar Efektif= 6.25%	Jika KA meningkat 1%: KA= 3.50% Kadar Efektif= 7.25%	Jika KA meningkat 2%: KA= 4.50% Kadar Efektif= 8.25%	KA= 2.50% Kadar Efektif= 4.35%	Jika KA meningkat 1%: KA= 3.50% Kadar Efektif= 5.35%	Jika KA meningkat 2%: KA= 4.50% Kadar Efektif= 6.35%
Ansuran bulanan	RM731	RM791	RM853	RM625	RM680	RM737
Jumlah kos faedah pada akhir tahun 20	RM75,406	RM89,505	RM104,152	RM49,840	RM62,962	RM76,769
Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir tahun 20	RM175,406	RM189,505	RM204,152	RM149,840	RM162,962	RM176,769

Penting: Ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik akan berbeza jika berlaku perubahan dalam KA. Jadual di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

7. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Perkara	Dokumen	Caj
Duti Setem seperti tertera di dalam Akta Setem 1949 (pindaan 1989)	Surat Tawaran	RM10.00
	Perjanjian Pinjaman (3 salinan)	RM30.00 (3 salinan)
Yuran Guaman - Dibayar kepada Peguam		Akan dimaklumkan oleh pihak peguam

8. Apakah yang berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Caj Bayaran Lewat	Caj bayaran lewat sebanyak 1% p.a. akan dikenakan ke atas jumlah tertunggak dari tarikh keingkaran (tertakluk kepada tempoh 7 hari) sehingga tarikh penerimaan pembayaran oleh Bank.
Kadar Kemungkinan	Sekiranya berlaku kegagalan (tidak membayar) tiga (3) pembayaran faedah berturut-turut semasa pembayaran ansuran bulanan, Bank berhak untuk menukar kadar yang ditetapkan kepada BR + 6.15% setahun yang dikira dalam baki harian, atau kadar lain dari semasa ke semasa.
Hak Penolakan	Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan kami terhadap apa-apa baki tertunggak dalam akaun pinjaman pendidikan ini.
Tindakan Undang-Undang	Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda dalam keadaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Akumulasi jumlah kekurangan defisit bayaran bulanan (jika ada). • Kegagalan untuk bertindak terhadap notis peringatan. Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebankan anda pada masa harapan. Anda akan dimaklumkan terlebih dahulu untuk apa-apa tindakan undang-undang yang bakal diambil oleh Pihak Bank.
Syarat Khusus	Sekiranya kemudahan pembiayaan yang diberikan oleh Bank adalah kurang daripada 100% daripada jumlah yuran pengajian yang dinyatakan dalam invois yang dikeluarkan oleh Universiti / Kolej, Bank akan menerima yang berikut daripada anda: <ul style="list-style-type: none"> • Perbezaan antara jumlah yuran pengajian seperti yang dinyatakan di dalam invois dari Universiti / Kolej dan jumlah pembiayaan (tidak termasuk Sumbangan Takaful) ("Jumlah Perbezaan"), didepositkan ke dalam akaun; dan • Surat arahan di mana anda secara tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank untuk menolak daripada akaun yang ditetapkan, pembayaran "Jumlah Perbezaan", secara berperingkat dari semasa ke semasa, seperti pembayaran kos pengajian, sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti / Kolej.

9. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pinjaman ini sebelum tamat tarikh tempoh pembayaran?

Tiada denda yang dikenakan jika anda membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pinjaman ini sebelum tamat tarikh tempoh pembayaran.

10. Adakah saya memerlukan perlindungan insuran?

- Pelanggan digalakkan untuk mengambil insurans sebagai perlindungan sekiranya berlaku kematian dan kecacatan kekal
- Premium insurans atas premium tunggal bergantung pada amaun pinjaman, umur dan jantina.
- Adalah digalakkan bagi pelanggan untuk mengambil perlindungan insurans daripada Insurans Panel Bank (Etiqua Family Berhad) atau pengendali insurans lain yang diluluskan oleh Bank.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan kami yang berdekatan dengan anda. Notis, peringatan, penyata pinjaman dan surat-menyurat berhubung dengan kemudahan ini akan dihantar dalam bentuk digital melalui Maybank2u. Untuk tujuan ini, anda perlu mengekalkan perkhidmatan dalam talian Maybank2u sepanjang tempoh pembiayaan dan menyemak peti masuk Maybank2u dengan berhati-hati.

12. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- i. Jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami seawal mungkin untuk membincangkan alternatif pembayaran balik. Anda boleh menghubungi kami di cawangan Maybank yang terdekat.
- ii. Sebagai alternatif lain, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:
Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
E-mail: enquiry@akpk.org.my
- iii. Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
Malayan Banking Berhad
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan
Tingkat 28, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 03-20748075
Email: cfm@maybank.com
- iv. Jika soalan anda atau aduan tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:
Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Email: bnmtelelink@bnm.gov.my

13. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Anda boleh kunjungi cawangan Maybank terdekat atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 1300-88-6688 atau rujuk laman web kami untuk maklumat di www.maybank2u.com.my.

14. Apakah pakej Pembiayaan Pendidikan lain yang ditawarkan?

Pembiayaan Pendidikan (Tidak Bercagar).

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN BAYARAN PEMBIAYAAN ANDA SEPERTI YANG DITETAPKAN.

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari 1 Mac 2020

Pengakuan Pelanggan :	Saya mengakui telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.		
<u>Pemohon:</u>	<u>Pemohon Bersama 1:</u>	<u>Pemohon Bersama 2:</u>	<u>Pemohon Bersama 3:</u>
Tandatangan:	Tandatangan:	Tandatangan:	Tandatangan:
Nama:	Nama:	Nama:	Nama:
No. KP:	No. KP:	No. KP:	No. KP: